

ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN BAHASA ISYARAT MALAYSIA BAGI TERMINOLOGI IBADAH

Siti Ramna Khamaruddin
Nurul Asiah Fasehah Muhamad
Norakyairee Mohd Raus
Adnan Mohamed Yusoff
Mahyuddin Hashim
Noornajihan Ja'afar
Mohd Nur Adzam Rasdi

ABSTRAK

Ibadah wajib dikerjakan oleh setiap individu Muslim yang mukallaf termasuk OKU Pekak. Mereka sewajarnya diberi ruang dan peluang untuk mempelajari Ibadah mengikut kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka. Namun, masalah komunikasi merupakan cabaran utama golongan ini dalam pemahaman konteks Ibadah. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti keperluan pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) bagi terminologi Ibadah. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui protokol temu bual ke atas 10 OKU Pekak Muslim. Dapatan kajian menunjukkan keperluan pembangunan BIM bagi terminologi Ibadah memberi kefahaman yang jelas, membimbing orang pekak ke arah kebaikan, meningkatkan ilmu baharu dan menarik minat belajar. Diharapkan kajian ini mampu menimbulkan kesedaran dan membuka mata semua pihak khususnya institusi-institusi agama, bahagian dasar sama ada di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), guru Pendidikan Khas bahagian Pendidikan Islam, penyelidik BIM dalam usaha meningkatkan pemahaman dan amalan beragama dalam kalangan OKU Pekak di Malaysia.

Kata kunci: Analisis keperluan, Bahasa Isyarat Malaysia, Ibadah, Pekak

PENDAHULUAN

Setiap kejadian manusia di muka bumi ini, bukan dicipta tanpa tujuan dan arah tuju dan manusia tidak boleh sewenang-wenangnya melakukan sesuatu mengikut keinginan tanpa wujud batasan dan rasa bertanggungjawab. Bahkan, setiap penciptaan manusia berlandaskan tujuan dan tanggungjawab mengikut apa yang ditentukan Allah yang menciptakannya (Eksiklopedia Islam, 2006). Segala amanah dan tanggungjawab terhimpun melalui konsep khalifah sebagaimana jelas peranannya sebagai memakmurkan bumi dan mengurusnya dengan baik (al-An'am:6:165). Selain itu, sebagai khalifah tunduk dan patuh dalam beribadah kepada Allah merupakan asas kepada pentadbiran dan pengurusan hal ehwal dunia, Firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Maksudnya: Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku.

(Quran. al-Dhariyat:51:56)

Melalui konsep Ibadah ini jelas bahawa penciptaan manusia adalah untuk beribadah kepada Allah. Ibadah wajib dikerjakan oleh setiap Muslim yang mukallaf dan orang pekak Muslim juga tidak terkecuali dalam hal ini (Zaydan, 2009). Mereka juga perlu diberi ruang dan peluang untuk belajar mengerjakan Ibadah kepada Allah. Kecacatan pendengaran yang dialami bukan menjadi penghalang untuk menyampaikan ilmu kepada mereka. Medium komunikasi melalui bahasa isyarat menjadi jambatan penghubung diantara mereka dengan masyarakat tipikal. Bagi memberi peluang kepada komuniti pekak Muslim merasai nikmat dalam beribadah, pemahaman asas dari segi makna terminologi Ibadah itu sendiri mesti dihuraikan dengan jelas terlebih dahulu.

Walaupun bagaimanapun, terminologi Ibadah dalam bahasa isyarat yang terhad menyumbang kepada keterbatasan proses penyampaian pemahaman asas kepada komuniti pekak. Kekeliruan dengan sebahagian terminologi bahasa isyarat yang sedia ada juga menyumbang kepada isu ini. Justeru, kajian ini menganalisis keperluan mereka mengenai pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi terminologi Ibadah untuk komuniti pekak Muslim di Malaysia khususnya.

PERNYATAAN MASALAH

Komuniti pekak wajib diberi pendidikan agama. Mereka adalah manusia yang berakal dan wajib menerima dakwah serta mempelajari agama (Hamdi Ishak, 2010). Namun begitu, masalah komunikasi merupakan isu utama untuk golongan istimewa ini mendapat hak mereka (Abdullah, 2014). Masalah pendengaran yang dialami membuatkan mereka bergantung kepada bahasa visual iaitu bahasa isyarat berbanding dengan bahasa pertuturan (Krammer, 2013). Pemerolehan bahasa yang terhad menyukarkan mereka memahami ayat-ayat di dalam bahasa-bahasa lain dan ayat yang bertahap tinggi (Syar Meeze et al., 2017).

Dari segi hubungan dengan keluarga, mereka kurang mendapat sokongan daripada ahli keluarga dalam bidang pendidikan agama disebabkan ahli keluarga tidak mahir berbahasa isyarat (Nafiseh Alaghehband et al., 2013). Situasi yang sama di sekolah pendidikan khas, guru-guru khususnya yang mengajar subjek Pendidikan Islam tidak mahir berbahasa isyarat (Mustafa et al., 2015).

Justeru, dalam kajian ini pengkaji melakukan analisis keperluan bagi mengenal pasti keperluan pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia berkaitan dengan terminologi Ibadah kepada komuniti pekak di Malaysia.

BAHASA ISYARAT MALAYSIA BAGI KEPERLUAN IBADAH

Bahasa isyarat merupakan bahasa yang digunakan orang pekak untuk berkomunikasi secara visual antara satu sama lain (Hasuria, 2009). Bahasa isyarat memudahkan orang pekak untuk berkomunikasi dan meluahkan pendapat, perasaan, masalah dan sebagainya. Bahasa isyarat adalah bahasa semula jadi yang terdiri daripada struktur yang kompleks dan tatabahasa yang sendiri (Stokoe, 2005). Keunikan dari segi pergerakan tangan, badan dan muka membezakan setiap mesej yang ingin disampaikan (Hasuria, 2009). Di Malaysia, Bahasa Isyarat Malaysia atau lebih dikenali BIM merupakan bahasa rasmi komuniti pekak. Sejarah permulaan bahasa isyarat di Malaysia pada tahun 1954 (Hasuria, 2009). BIM digunakan dalam komunikasi seharian dan merupakan lambang kekentalan, kekayaan dan keindahan adat budaya dan gaya hidup orang pekak di Malaysia. (Sazali, 2004). Oleh itu, jelas menunjukkan BIM merupakan medium komunikasi utama bagi komuniti pekak di Malaysia.

Manakala, BIM yang berkaitan dengan terminologi Islam mula diperkenalkan pada tahun 2014 dengan penerbitan Buku Isyarat-isyarat Islam terbitan daripada Persekutuan Orang Pekak Malaysia (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014). Hal ini demikian kerana melihat kesungguhan dan minat orang pekak Islam untuk mempelajari agama dan juga memenuhi tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Dalam usaha menerbitkan buku ini, Persekutuan Orang Pekak Malaysia telah pergi ke Arab Saudi untuk mengumpul dan mengkaji tentang bahasa isyarat disana sebagai rujukan. Menurut Mohd Sazali Shaari, presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, pada 10 November 2013 beliau dan dua orang Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) telah diundang untuk menghadiri Forum OKU Pekak Muslim diperingkat antarabangsa di Doha, Qatar. Hasil daripada itu, beliau telah dihadiahkan *al-Kamus al-Isyari Lil Sum* terbitan daripada Persatuan Orang Pekak Qatar. Menurutnya, buku Isyarat-isyarat Islam ini hasil daripada kombinasi isyarat yang telah diambil daripada kamus tersebut dan isyarat tempatan yang sedia ada (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014).

Namun begitu, terminologi BIM khususnya dalam bidang agama Islam jauh berbeza berbanding dengan terminologi agama yang sedia ada. Ianya menjadi satu keperluan yang mendesak kerana masih banyak kelompangan dalam bidang agama khususnya dalam bidang Ibadah. Selain itu, terdapat beberapa isyarat yang sama maksud dengan isyarat lain di Malaysia dan ada isyarat yang tidak sesuai dengan maksud sebenar bagi terminologi Ibadah tersebut (Sariah, 2017). Hal ini sekali gus menimbulkan kekeliruan dan salah faham di kalangan komuniti pekak Muslim di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti keperluan pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) bagi terminologi Ibadah untuk komuniti pekak Muslim.

SENARIO PEMBELAJARAN IBADAH DIKALANGAN KOMUNITI PEKAK

Mukallaf merujuk kepada individu yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk melaksanakan segala perintah-Nya. Terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang individu Muslim bagi menentukan sama ada dia seorang *mukallaf* atau tidak (Zaydan, 2009). Syarat yang pertama, seseorang *mukallaf* itu hendaklah memahami dalil sesuatu perintah itu iaitu al-Quran atau Sunnah. Dalil-dalil tersebut hanya dapat difahami dengan menggunakan akal kerana akal merupakan alat untuk memahami dan mengetahui sesuatu perkara. Syarat yang kedua pula ialah *mukallaf* mestilah mempunyai kelayakan (*ahliyyah*) untuk taklif iaitu taklif untuk menerima (*ahliyyah al-wujub*) dan kelayakan untuk melaksana (*ahliyyah al-ada'*) (Zaydan, 2009).

Berdasarkan definisi mukallaf dan syarat-syarat mukallaf yang ditetapkan, OKU Pekak juga dikategorikan sebagai mukallaf kerana mereka memiliki akal yang sempurna untuk memahami dalil al-Quran dan Sunnah. Mereka juga mempunyai kelayakan untuk menerima ataupun kelayakan wajib iaitu berhak mendapatkan apa yang telah ditetapkan oleh syarak selagi mereka masih bernyawa (Zaydan, 009). Dan apabila mereka telah mencapai umur baligh dan matang iaitu mereka mampu membuat perbezaan antara baik dan buruk (Zaydan, 2009), mereka disabitkan untuk kelayakan melaksanakan apa yang telah ditetapkan oleh syarak (Ab Aziz et al, 2009). Kesimpulannya, OKU Pekak wajib menunaikan segala kewajipan yang ditetapkan oleh syarak.

Walaupun bagaimanapun, disebabkan kecacatan yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi yang dialami oleh OKU Pekak, kesedaran komuniti dalam usaha membantu mereka sangat terhad berbanding dengan kumpulan OKU yang lain. Menurut Sazali (2014) masalah sosial dikalangan orang pekak semakin berleluasa kerana kebatasan komunikasi dan kurangnya pendidikan agama daripada kecil. Tambahan, menurut Sariah (2017), majoriti komuniti pekak tiada ilmu asas dalam agama khususnya dalam pelaksanaan Ibadah. Sebagai contoh semasa menunaikan solat, mereka hanya mengikut berdasarkan perbuatan solat itu sendiri tanpa mengetahui bacaan dalam setiap gerakan dan istilah kepada setiap gerakan dalam solat. Hal ini kerana, komuniti pekak ini bergantung sepenuhnya kepada kekuatan penglihatan mereka (Sariah, 2017). Selain itu, kewujudan kelas agama untuk mempelajari Ibadah bagi komuniti pekak tidak seluas penyediaannya seperti golongan tipikal. Kebergantungan mereka kepada jurubahasa isyarat sebagai perantara ilmu sangat diperlukan. Namun begitu, kewujudan terminologi bahasa isyarat yang terhad dalam bidang agama khususnya Ibadah, menjadikan penyampaian ilmu kepada mereka terbatas (Siti Muhibbah Nor, 2010). Oleh yang demikian, kajian ini membincangkan keperluan pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi terminologi Ibadah untuk komuniti orang pekak Muslim.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:-

1. Mengenalpasti keperluan pembangunan BIM bagi terminologi Ibadah bagi komuniti orang pekak Muslim.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam metode kajian ini, seramai 10 orang peserta kajian yang terdiri daripada OKU Pekak telah ditemu bual secara semi berstruktur untuk pengumpulan data. Protokol temu bual telah dijalankan oleh pengkaji dengan menggunakan bahasa isyarat sambil dibantu pengkaji yang lain untuk merakam video dengan menggunakan Samsung Galaxy Tab A 8.0. Hasil rakaman video temu bual berkenaan ditaip semula ke dalam Microsoft Word.

Hasil pengumpulan data telah dianalisis mengikut tema. Data yang telah ditranskrip dibaca beberapa kali dan ditafsirkan. Kemudian, data akan dikategorikan mengikut bentuk jawapan yang lazim. Kategori data yang telah ada akan dibandingkan dan dikumpulkan untuk menghasilkan tema. Petikan daripada hasil temu bual peserta kajian digunakan untuk menerangkan tema. Ketepatan data telah dicapai pada peserta kajian yang kesepuluh. Pengkaji juga menggunakan ringkasan (PK) kepada peserta kajian bagi menerangkan sumber petikan temu bual tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Tema-tema yang digunakan dalam membincangkan dapatan kajian fasa analisis keperluan ini adalah keperluan pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi keperluan Ibadah untuk komuniti pekak Muslim. Dapatan temu bual ini akan dibincangkan mengikut tema-tema yang telah dikumpulkan.

Demografi peserta kajian

Seramai 10 orang peserta kajian yang merupakan OKU Pekak Muslim telah menjalani protokol temu bual ini secara sukarela. Rata-rata peseta kajian berumur lingkungan 24 hingga 48 tahun. Berikut merupakan rumusan peserta kajian secara keseluruhan:-

Jadual 1.0: Demografi peserta kajian

Aspek	Peratus	
	Lelaki	Perempuan
Jantina	4 (40%)	6 (60%)
Status	Bujang 2 (20%)	Bujang 2 (20%)
	Berkahwin 2 (20%)	Berkahwin 4 (40%)
Bangsa	Melayu 3 (30%)	Melayu 5 (50%)
	Cina 1 (10%)	Cina 1 (10%)
Agama	Islam 4 (40%)	Islam 6 (60%)

Berdasarkan Jadual 1.0 di atas, sebanyak 60% daripada jumlah peserta kajian adalah perempuan dan 40% adalah lelaki telah terlibat dalam protokol ini. Sementara itu, sebanyak 80% daripada mereka berbangsa Melayu dan 20% berbangsa Cina.

Analisis Data Kualitatif

Dalam fasa ini, analisis data keperluan ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) bagi keperluan Ibadah untuk komuniti pekak Muslim.

Keperluan Pembangunan BIM Ibadah dalam kalangan komuniti Pekak

Menurut data, pengkaji mendapati seramai 10 peserta kajian telah memberi maklum balas positif berkenaan usaha membangunkan BIM bagi keperluan Ibadah untuk komuniti Pekak Muslim di Malaysia. Bagi menjawab sub soalan kajian, pengkaji telah mentranskripsi dan menganalisis jawapan peserta kajian secara tematik seperti jadual dibawah:

Jadual 2.0: Tema-tema keperluan Pembangunan BIM Ibadah

Tema	Keperluan Pembangunan BIM Ibadah				
	Peserta Kajian (PK)	Memberi kefahaman tentang terminologi Ibadah	Membimbing orang pekak ke arah kebaikan	Meningkatkan ilmu baharu	Menarik minat beribadah
1	x				
2	x				
3	x				
4	x				
5	x		x		
6					x
7			x		
8	x				
9					x
10				x	

1. Memberi kefahaman tentang terminologi Ibadah

Dapatan kajian mendapati lebih ramai peserta kajian yang menyatakan bahawa pembangunan BIM bagi terminologi Ibadah sangat penting dari sudut menambahkan kefahaman mengenai sesuatu istilah. Peserta kajian yang menyatakan tentang perkara ini adalah seperti berikut:

"...bantu orang pekak mudah faham.." (PK1)

"..sangat penting kerana orang pekak mudah untuk faham.." (PK2)

"..penting sangat kerana mudah bagi orang pekak faham.." (PK3)

Selain itu, kepentingan BIM sebagai medium komunikasi sangat membantu golongan ini memahami terminologi Ibadah dengan lebih efektif sebagaimana kenyataan berikut:-

"..orang pekak suka tengok isyarat kerana memudahkan kefahaman kami sebagai orang pekak.." (PK4)

"...bahasa isyarat sangat bagus untuk memudahkan orang pekak faham, pembangunan ini sangat bagus.." (PK5)

"..memudahkan orang pekak faham terminologi Ibadah melalui bahasa isyarat.." (PK8)

2. Membimbing orang pekak ke arah kebaikan

Peserta kajian 5 dan 7 mengaitkan bahawa pembangunan BIM bagi terminologi Ibadah mampu membimbing golongan istimewa ini ke arah kebaikan. Pernyataan mereka seperti berikut:-

"...sangat penting kerana mampu membimbing orang pekak untuk menunaikan Ibadah seperti yang diwajibkan ke atas kami.." (PK5)

"...pembangunan bahasa isyarat Malaysia yang berkaitan dengan Ibadah ini insyaAllah akan mampu membimbing kami kerana Allah ciptakan manusia bertujuan supaya manusia beribadah kepada-Nya.." (PK7)

3. Meningkatkan ilmu baharu

Pembangunan BIM bagi terminologi Ibadah turut meningkatkan ilmu baharu buat komuniti istimewa ini. Perkara ini dinyatakan seperti di bawah:-

"..kalau kita melihat banyak terminologi yang berkaitan dengan Ibadah, tapi untuk orang pekak pemerolehan terminologi itu sangat sedikit. Jadi, saya yakin pembangunan ini sangat penting kerana dapat menambahkan ilmu baru kepada orang pekak dan menunjukkan kesamaan diantara kami dan orang tipikal untuk belajar berkaitan dengan terminologi Ibadah.." (PK 10)

4. Menarik minat beribadah

Dapatan analisis peserta kajian 6 dan 9 menunjukkan bahawa komuniti pekak juga mempunyai naluri beragama. Naluri ini dapat ditingkatkan untuk menarik minat golongan istimewa ini beribadah dengan ilmu dan menjadikan matlamat Ibadah itu jelas untuk selamat di dunia dan akhirat.

“...kami orang pekak juga seperti normal yang ingin selamat dunia dan akhirat. Saya berharap pembangunan ini juga mampu menarik minat kami lagi untuk terus beribadah dan selamat dunia dan akhirat..” (PK6)

“..pembangunan ini sangat penting kerana dapat mendekatkan diri kami kepada Allah dan pembangunan ini diharapkan dapat memperbanyakkan kami dalam mengingati Allah dan selamat dunia dan akhirat..” (PK9)

PERBINCANGAN

Hasil dapatan dirumuskan bahawa pembangunan BIM bagi keperluan Ibadah sangat diperlukan bagi komuniti pekak Muslim. Pembangunan bahasa isyarat ini dapat meningkatkan kefahaman orang pekak berkaitan dengan terminologi Ibadah. Hal ini demikian kerana bahasa isyarat merupakan bahasa visual dan majoritinya bahasa ini telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi bagi orang pekak diseluruh negara (Krammer, 2013). Tambahan, menurut Jefwa G Mweri (2014), pendendahan awal terhadap bahasa isyarat dapat menyokong dan menambah kefahaman orang pekak terhadap sesuatu perkara.

Selain itu, pembangunan BIM bagi keperluan Ibadah ini dapat membimbing orang pekak dalam melaksana Ibadah dengan lebih sempurna. Hal ini juga telah disokong dalam kajian Abdul Munir (2014) yang menggalakan untuk menyediakan perkhidmatan ataupun kemudahan untuk membimbing komuniti pekak dalam pemahaman agama. Dengan pembangunan BIM untuk keperluan Ibadah ini, secara tidak langsung dapat menambah ilmu baru untuk komuniti pekak dalam memahami terminologi Ibadah itu sendiri dan dapat menampung kelompangan kekurangan bahasa isyarat yang berkaitan dengan agama Islam seperti yang dinyatakan dalam kajian Syar Meeze et al. (2017), Zakarna et al. (2013) dan Siti Muhibbah (2010). Pada masa yang sama, usaha ini mampu menarik minat mereka untuk mempelajari Ibadah dengan berbantuan bahasa isyarat yang dibangunkan. Situasi ini dapat memberi peluang kepada komuniti pekak untuk merasai nikmat hidup beragama dan menjadikan mereka manusia yang baik disisi Allah s.w.t.

Pembangunan BIM bagi terminologi Ibadah ini juga merupakan rentetan daripada usaha awal pembangunan perisian i-Sign QurANIS, projek Ruqyah Syar'iyah dalam bahasa isyarat dan perisian umrah orang pekak yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidik dan pelajar daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Dengan adanya pembangunan BIM bagi terminologi Ibadah ini, diharapkan mampu menyokong dan mengisi kelompangan dalam usaha menyediakan wasiliah yang terbaik untuk orang pekak menuntut ilmu agama.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, semua peserta kajian bersetuju pembangunan BIM bagi keperluan Ibadah wajar dijalankan. Hal ini kerana, dapat menampung kekurangan terminologi bahasa isyarat yang berkaitan dengan agama Islam dan menambahkan bahasa isyarat Islam yang sedia ada dengan pemahaman yang betul. Pembangunan ini secara tidak langsung membantu komuniti pekak Muslim untuk beribadah dengan lebih sempurna berikutan kefahaman yang jelas dari sudut aspek terminologi Ibadah itu sendiri. Selain itu juga, pembangunan BIM bagi keperluan Ibadah ini juga dapat membantu ibu bapa yang mempunyai anak OKU pekak dan guru-guru pendidikan khas yang mengajar Pendidikan Islam dalam pembelajaran Ibadah. Diharapkan usaha ini mampu memberi ruang dan peluang kepada komuniti pekak untuk beribadah dengan meraikan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka.

RUJUKAN

Quran

- Ab.Aziz, M., Mohamad Kamil, A., Anisah, A., Mohd Fauzi, H., Nor Raudah, H., & Juwairiah, H. (2009). *Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Munir, I. (2014). *Dakwah Islam dan Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, Y. (2014). *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdi Ishak. (2010). *Pekak dan Bisu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasuria, C. (2009). *Penterjemahan dan Bahasa Isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Jefwa G Mweri. (2014). Diversity in education: Kenyan sign language as a medium of instruction in schools for the deaf in Kenya. *Springer Open Journal*, 4(Multilingual Education), 6.
- Krammer, K. (2013, Disember). The benefits of sign language for deaf children with and without cochlear implant (s). *European Scientific Journal*, 4, 344.
- Mustafa, C., Nik Hassan, S., Abdullah, Y., & Abdul Hakim, A. (2015). Kesukaran Mengajar dan Belajar al-Quran dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. *International Seminar on al-Quran in Contemporary Society* (hlm. 208-221). UnisZA: Faculty of Islamic Contemporary Studies.

- Nafiseh Alaghehband, G., Nazean, J., Norlidah, A., Syar Meeze, M., & Mohd Yakub Zulkifli, M. (2013). Mother's Perspective Toward al-Quran Education for Hearing Impaired Children in Malaysia. *The Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 1(4), 26-30.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. (2014). *Isyarat-isyarat Islam*. Selangor: Percetakan Info Meditasi Sdn. Bhd.
- PT Ichtiar Baru Van Hoeve. (2006). *Eksiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahana MD. (2014, 9 17). *Utusan Online*. Didapatkan dari Orang Pekak - Masyarakat sering abaikan: http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0917&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_03.htm
- Sariah, I. (2017, Oktober 22). Masalah komuniti pekak dalam beribadah. (R. Siti, Penemu duga)
- Sazali, M. (2004). Budaya orang pekak. *Kertas Persidangan Keluarga Pekak bahagia*. Hotel Crown Princess. Kuala Lumpur.
- Siti Muhibbah Nor. (2010). Kesukaran pemahaman murid-murid bermasalah pendengaran terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. *Proceedings First Annual Inclusive Education Practices Conference*, (hlm. 122-130).
- Stokoe, W. (2005). Sign Language Structure: An Outline of the Visual Communication Systems of the American Deaf. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 10, 4-7.
- Syar Meeze, M., Norlidah, A., & Zawawi, I. (2017). Isu dan Cabaran dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.
- Zakarna, N., Samreen, S., Eldin, & Jasim. (2013). *First Intenational Forum for the Deaf Muslims: Deaf Muslims Organization*. Dohar-Qatar: The Qatar Centre of Social Culture for the deaf.
- Zaydan, A. (2009). *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh*. Lebanon: Muassasah Al-Risalah Nasyirun.

Siti Ramna Khamaruddin

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) &
Kluster Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
Universiti Sains Islam Malaysia*

Nurul Asiah Fasehah Muhamad

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) &
Kluster Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
Universiti Sains Islam Malaysia*

Norakyairee Mohd Raus

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) &
Kluster Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
Universiti Sains Islam Malaysia*

Adnan Mohamed Yusoff

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) &
Kluster Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
Universiti Sains Islam Malaysia*

Mahyuddin Hashim

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) &
Kluster Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
Universiti Sains Islam Malaysia*

Noornajihan Ja'afar

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) &
Kluster Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
Universiti Sains Islam Malaysia*

Mohd Nur Adzam Rasdi

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) &
Kluster Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
Universiti Sains Islam Malaysia*